

25/04/2001

Punca negara Islam ikut telunjuk Barat

Lokman bin Ismail

ADA 58 negara Islam di seluruh dunia. Takrif negara Islam ialah sesebuah negara mempunyai lebih 50 peratus rakyatnya beragama Islam. Ia tidak termasuk enam negeri di Russia yang mempunyai majoriti penduduknya Islam. Ini bermakna satu pertiga negara di dunia adalah negara Islam. Jumlah penduduk Islam dianggarkan melebihi satu bilion daripada lima bilion penduduk dunia sekarang. Mengikut bilangannya, umat Islam dan Kristian hampir sama ramai. Maknanya, Islam adalah agama anutan utama penduduk dunia.

Ironisnya, umat Islam perlu menerima hakikat kelemahan dialami sekarang. Kebanyakan negara Islam dalam keadaan lemah dan ketinggalan. Negara bukan Islam mengatasi negara Islam dalam pelbagai aspek. Rata-rata negara Islam ketinggalan jauh dari segi kekayaan, pembangunan, pendidikan, pertahanan dan teknologi berbanding negara bukan Islam. Natijahnya, kuasa umat Islam agak lemah. Dalam percaturan politik, kuasa dan ekonomi dunia, negara Islam dianggap minoriti. Justeru, umat Islam tidak mempunyai pengaruh dalam menentukan kepentingan sendiri.

Sekarang negara Islam bergabung dalam bentuk forum dinamakan Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC). Biar pun bilangan negara anggotanya besar, kuasanya masih relatif kecil berbanding pertubuhan lain. Maka, OIC tidak dianggap pertubuhan berpengaruh dalam menentukan sesuatu agenda pada peringkat antarabangsa. Setiap kali persidangan OIC diadakan, tidak ada kesan atau perubahan besar untuk kepentingan negara lain.

Ia tidak lebih dianggap medan menemukan pemimpin negara Islam bagi bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu isu berkaitan umat dan negara Islam. Justeru, dunia tidak memberi tumpuan kepada agenda mesyuarat OIC yang dianggap tidak mempunyai pengaruh. Dalam hal lain, negara Islam terpaksa bergantung kepada kuasa besar. Pergantungan terbesar dalam soal keselamatan dan ekonomi. Justeru, negara Islam terpaksa tunduk dan terikut-ikut dengan polisi dan arahan negara lain. Masih banyak negara Islam terpaksa tunduk kepada kuasa lain biar pun sudah merdeka. Masalah kemiskinan, perang saudara dan kesusahan yang dihadapi negara Islam menyebabkan terpaksa mengharap bantuan negara luar.

Kuasa besar membantu negara kecil kerana ada kepentingan. Mereka membantu kerana 'ada udang di sebalik batu'. Bantuan yang diberikan adalah satu pelaburan untuk meraih keuntungan. Kegiatan ekonomi kebanyakan negara Islam masih dikuasai negara asing. Selain itu, masalah permusuhan di kalangan negara Islam juga memberi peluang kuasa asing masuk campur. Contohnya, dalam kes Perang Teluk yang membabitkan serangan Iraq ke atas Kuwait. Serangan itu memberi kesan langsung bagi Amerika Syarikat menjadi 'tuan' di Kuwait dan Arab Saudi serta negara Arab.

Amerika Syarikat dan sekutunya membantu Kuwait dan Arab Saudi ada muslihatnya. Bantuan itu sebenarnya bukan bertujuan menyelamatkan Kuwait dan Arab Saudi. Sebaliknya, ia lebih bertujuan menjaga kepentingan Amerika Syarikat sendiri. Arab Saudi dan Kuwait adalah pengeluar petroleum yang menjadi pembekal utama sumber tenaga ke Amerika Syarikat. Tanpa petroleum, Amerika Syarikat akan menghadapi masalah besar. Justeru, mereka terpaksa membantu Arab Saudi dan Kuwait untuk kepentingan sendiri.

Tambahan pula kos Operasi Desert Storm bukan ditanggung sepenuhnya oleh Amerika Syarikat. Kos yang bernilai berbilion ringgit itu turut ditanggung Arab Saudi dan Kuwait mengikut kepentingan wilayah masing-masing. Biar pun Perang Terluk sudah berakhir lebih 10 tahun, Amerika Syarikat masih

menggunakan alasan itu untuk terus berada di Tanah Arab. Justeru, soal keselamatan negara Islam berada di bawah kuasa negara lain. Ia secara langsung menunjukkan kelemahan negara Islam.

Natijah daripada Perang Teluk memberi keuntungan kepada musuh Islam. Ironisnya, negara Islam menanggung kemusnahan dan kerugian. Negara Islam terus dijadikan kuda tunggangan negara asing. Kuasa asing berpeluang menguasai negara Islam dalam segenap aspek berpunca kelemahan umat Islam. Sekiranya di kalangan negara Islam mempunyai kekuatan sendiri untuk menyelesaikan masalah berkenaan, sudah pasti tiada kuasa lain dapat masuk campur dan menanggung di air keruh. Sikap talam dua muka kuasa besar amat ketara. Mereka pantas mempertahankan negara yang mempunyai kepentingan kepada mereka. Sebaliknya, negara yang tidak memberi keuntungan dibiarkan menghadapi masalah berpanjangan. Lihatlah apa berlaku kepada Palestin dan Bosnia. Tindakan kuasa besar menyelesaikan masalah di kedua-dua negara berkenaan hanya sandiwara. Ia tidak dapat diselesaikan seperti mana cepatnya penyelesaian Perang Teluk.

Natijahnya, umat Islam di kedua-dua negara bagaikan haiwan buruan. Nyawa dan maruah mereka dipandang tidak berharga. Mereka bebas diperlakukan apa saja oleh musuh Islam. Keadaan ini tentu tidak berlaku jika negara Islam kuat. Musuh Islam tidak dapat bertindak sewenang-wenangnya terhadap umat Islam. Tambah memburukkan keadaan apabila di kalangan negara Islam sendiri tidak mempunyai permuafakatan yang jitu. Di kalangan negara Islam yang berjiran sering wujud permusuhan. Serangan Iraq terhadap Kuwait, Perang Iran-Iraq, permusuhan beberapa negara Islam di benua Afrika dan sikap mementingkan diri di kalangan negara Arab banyak memberi kesan kelemahan umat Islam.

Melaga-lagakan di antara negara Islam adalah strategi digunakan oleh kuasa asing untuk melemahkan Islam keseluruhannya. Dalam keadaan yang kucar kacir dan lemah, Islam lebih mudah ditindas dan dipergunakan untuk kepentingan mereka. Majoriti negara Islam adalah bekas tanah jajahan kuasa Barat. Walaupun sudah merdeka, kebanyakan negara masih mengharapkan bantuan terutama dalam kegiatan ekonomi daripada bekas negara penjajah. Ini memberi kesempatan bagi kuasa besar mengaut keuntungan dengan haloba. Sebab itu, pemimpin negara kita begitu berani menyuarakan sikap tegas dalam soal memperjuangkan kepentingan negara Islam. Namun, ada pihak yang melihat sebaliknya. Di kalangan rakyat negara kita ada yang memperlekehkan kemampuan pemimpin kita, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Justeru, banyak usaha memperjuangkan kepentingan rakyat dan agama mendapat kritikan. Hal ini terjadi disebabkan perbezaan fahaman politik. Kepentingan politik lebih diutamakan daripada memperjuangkan kepentingan agama.

Natijahnya perpaduan umat Islam dalam keadaan lemah berpanjangan. Slogan memperjuangkan kepentingan agama hanya dijadikan alat atau topeng untuk mendapat sokongan. Sekiranya benar memperjuangkan kepentingan agama, sudah pasti tidak berlaku pertentangan sesama umat Islam. Seorang Muslim tidak akan bermusuhan dengan Muslim yang lain. Tetapi apa yang berlaku sebaliknya. Ia bukan setakat berlainan ideologi politik, tetapi sehingga sanggup menganggap Muslim lain sebagai kafir. Perbuatan mengkafirkan orang lain bermakna wujud permusuhan dan melemahkan perpaduan umat Islam. Perbuatan itu mengikut telunjuk syaitan yang ingin melihat permusuhan sesama manusia. Sesiapa yang mengikut perbuatan syaitan, maka dialah bakal menemani syaitan di neraka kelak.

Akibat perpecahan dan asas perancangan ekonomi yang lemah, negara Islam terus dalam kemiskinan dan huru hara. Negara yang miskin mudah menyebabkan keadaan kehidupan rakyat yang tidak aman. Rakyat memberontak dan berlaku perang saudara yang berterusan. Musuh Islam mengambil kesempatan itu untuk terus melemahkan umat Islam. Puak yang bersengketa dibantu dan disokong

agar wujud keadaan yang lebih tegang dan berpanjangan. Justeru, perpaduan umat Islam di sesebuah negara terus rapuh dan lemah. Keadaan yang sama cuba diwujudkan di negara kita oleh musuh Islam. Mereka sukar menggugat negara secara langsung. Mereka akan, menggunakan kesempatan ketika mengikut 'kocakan' yang diwujudkan sendiri oleh rakyat adalah lebih berkesan. Demonstrasi jalanan, ugutan, fitnah dan sebagainya yang dilakukan bertujuan melemahkan kerajaan banyak mendapat sokongan pihak luar. Sokongan itu diberikan secara langsung dan tidak langsung. Apa yang penting bagi mereka sokongan itu akan menyebabkan keadaan negara tidak tenteram yang secara langsung perpaduan umat Islam lemah.

Kemiskinan dan kemunduran umat Islam di seluruh dunia banyak berpunca daripada keadaan ini. Negara Islam sebenarnya kaya dengan pelajar bagi sumber bumi, tanah subur, luas dan tenaga kerja yang ramai. Namun semua itu tidak bermakna apabila sesama Islam bercakaran. Dari sumber tenaga manusia, negara Islam mempunyai kelebihan. Umat Islam di Indonesia melebihi 100 juta orang, Bangladesh dan Pakistan masing-masing 80 juta. Jumlah penduduk Islam di seluruh dunia melebihi satu bilion. Malangnya, umat Islam hanya besar kuantiti, tidak pada kualiti. Kadar buta huruf di kalangan umat Islam masih tinggi sehingga 50 hingga 80 peratus. Sedangkan kadar buta huruf dunia kurang 40 peratus dan di negara maju kurang lima peratus. Akibat perkembangan pendidikan yang tidak memuaskan di kalangan negara Islam, tidak hairan jika negara Islam ketinggalan jauh dalam kemajuan sains dan teknologi. Kadar bilangan saintis di negara Islam berbanding penduduknya amat rendah sekali. Di Bangladesh hanya 20 orang saintis bagi setiap sejuta rakyatnya. Berbanding dengan negara bukan Islam ada 4,300 saintis bagi setiap sejuta penduduk di Amerika Syarikat. Sementara itu, jumlah lebih tinggi di Eropah Timur dan China sehingga 8,200 orang saintis bagi setiap sejuta penduduknya. Untuk memulihkan imej umat Islam, jalan terbaik ialah memperkuat perpaduan di kalangan umat Islam. Musuh Islam tidak berani bertindak sewenang-wenangnya terhadap umat dan negara Islam jika perpaduan Islam kuat dan kukuh.

(END)